

# Kejayaan Peroleh Geran Nihon Suntik Semangat Flora



Kejayaan seorang pegawai penyelidik Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeoGTech) UniMAP, Flora Somidin yang ditawarkan geran penyelidikan daripada syarikat Nihon Superior Co. Ltd. Japan baru-baru ini, berbaloi apabila meraih pingat emas dalam Taipei International Invention Show & Technomart (INST 2013).

Dalam pertandingan selama tiga hari bermula 26 September 2013 di Taiwan World Trade Centre Exhibition Hall itu, Flora meraih pingat emas berharga UniMAP menerusi hasil produk penyelidikannya, *Novel Green & Low Cost Lead-Free Technology : Nanocomposite Solder Paste*.

INST 2013 menghimpunkan 1,079 penyertaan pada edisi penganjuran kelapan tahun ini yang bertemakan Smart Living. Selain Flora, UniMAP turut memenangi satu lagi pingat gangsa menerusi Pensyarah Kanan PPK Bahan, Dr. Sharifah Shahnaz Syed Bakar menerusi produknya *Green Natural Organic Surface Finish*.